



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
(Ministry Of Human Resources),
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia,
Aras 8, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No Tel : 03-8886 5000
Fax : 03-8889 2385 / 2313
03-8888 5086 (Perolehan)
Email : ksm@mohr.gov.my
Web : http://www.mohr.gov.my

Rujukan Fail : KSM.200-2/1/6 (53)
Tarikh : 4 Mei 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

MINIT MESYUARAT BAGI MEMBINCANGKAN MASALAH PERUNTUKAN DANA PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat bagi membincangkan masalah peruntukan Dana Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah diadakan pada 19 April 2018 dan bersama-sama ini disertakan minit mesyuarat untuk perhatian pihak YBhg. Dato'/tuan/puan jua.
3. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/tuan/puan amat dihargai.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara"

Saya yang menurut perintah,


(**NORASHERIN BINTI BASIRUDIN**)

b.p. Ketua Setiausaha
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
Kementerian Sumber Manusia

s.k

YBhg. Dato' Dr. Ketua Setiausaha

LAMPIRAN A

YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

YBrs Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

YBhg. Dato' Setiausaha Bahagian (PKSM)

YBhg. Dato' Timbalan Setiausaha Bahagian (PK)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Aras 27, Pusat Dagangan Dunia Putra
No. 45, Jalan Tun Ismail
50480 KUALA LUMPUR

Presiden

Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)
Unit 2-12, Tiara Mutiara
No. 139, Batu 6, Jalan Puchong
58200 KUALA LUMPUR



**MINIT MESYUARAT
BAGI MEMBINCANGKAN MASALAH PERUNTUKAN DANA
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Tarikh : 19 April 2018 (Khamis)
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Menteri
Kementerian Sumber Manusia
Aras 8, Blok D3, Kompleks D
PUTRAJAYA
Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN A

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

1.1 YBhg. Dato' Dr. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir ke Mesyuarat Bagi Membincangkan Masalah Peruntukan Dana Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK).

Makluman

2.0 PERBINCANGAN

2.1 YBhg. Dato' Dr. Pengerusi memaklumkan Kementerian telah menerima surat daripada pihak Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC) mengenai permasalahan agihan dana oleh PTKK yang telah menjejaskan kouta di kalangan 350 buah Pusat Bertauliah Swasta;

Makluman

2.2 Mesyuarat turut dimaklumkan sejak RMKe-10, PTPK telah disediakan peruntukan berjumlah RM763,750,000. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk Geran Latihan TVET Bagi Golongan B40 berjumlah RM30juta telah diarah untuk ditangguhkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Program untuk B40 sebelum ini dilaksanakan oleh EPU, JPM dan mulai tahun 2017 dilaksanakan oleh PTPK;

Makluman

2.3 Penangguhan Geran Latihan TVET Bagi Golongan B40 kepada PTPK telah memberi kesan kepada Pusat Bertauliah Swasta dan FeMAC telah mencadangkan supaya agensi di bawah KSM seperti Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) membantu menyalurkan dana kepada PTPK bagi membolehkan tambahan kouta diberikan kepada Pusat Bertauliah Swasta;

Makluman

2.4 Mesyuarat telah berbincang dan dimaklumkan bahawa terdapat kekangan untuk melaksanakan cadangan tersebut atas perkara seperti berikut :

- i. PSMB merupakan agensi di bawah KSM yang bertaraf Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies - GLC*) yang mempunyai Memorandum dan Artikel sendiri; dan
- ii. PSMB beroperasi menggunakan peruntukan sendiri yang disumbangkan melalui levi 1% daripada industri dan kegunaan untuk levi tersebut telah ditakrifkan.

Makluman

2.5 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa PTPK juga tidak mempunyai *business model* dan hanya menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan program.

Makluman

2.6 Sebagai langkah penyelesaian sementara, PTPK telah memohon untuk menggunakan dana daripada kutipan bayaran balik untuk membiayaan program.

Tindakan : PTPK

2.7 YBhg. Dato' Dr. meminta supaya kelulusan permohonan tersebut dan penyaluran dana untuk suku tahun kedua kepada PTPK disegerakan.

Tindakan : PKSM, PTPK

2.8 Wakil FeMAC memaklumkan terdapat Pusat Bertauliah Swasta yang telah memindahkan pelajar dan menutup perniagaan. Sehubungan itu, FeMAC telah mencadangkan pembiayaan daripada badan kewangan walaupun akan dikenakan kadar faedah yang tinggi iaitu 6%.

Makluman

2.9 YBhg. Dato' Dr. Pengerusi berpandangan pembiayaan swasta boleh diteruskan terutamanya untuk kursus yang memerlukan tahap kemahiran yang tinggi seperti *underwater welding* dan Pusat Bertauliah Swasta perlu mempunyai kemampuan untuk mengubah *business model* mengikut kesesuaian masa.

Tindakan : FeMAC

2.10 Mesyuarat dimaklumkan bahawa FeMAC telah bekerjasama dengan pihak industri di Singapura dan akan melatih pelajar mengikut keperluan dan kriteria industri di Singapura. Walau bagaimanapun, isu ini perlu ditangani segera kerana telah mendapat liputan di akhbar berbahasa Tamil dan bimbang akan dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu.

Tindakan : PTPK, FeMAC

- 2.11 Mesyuarat turut bersetuju untuk mengkaji keperluan untuk monotorium seperti yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi terhadap Fakulti Perubatan. Kajian tersebut perlu mengambilkira lokasi dan kursus yang ditawarkan.

Tindakan : Dasar, JPK

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 Penggunaan Logo Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

- i. FeMAC memohon supaya dibenarkan menggunakan logo JPK sebagai pihak yang memberi pengesahan kualiti kurikulum; dan
- ii. YBhg. Dato' Dr. Pengerusi meminta JPK menyemak cadangan tersebut dan menyediakan kriteria untuk memastikan logo JPK tidak disalahgunakan.

Tindakan : JPK

4.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan ucapan terima kasih oleh YBhg. Dato' Dr. Pengerusi.

*Unit Perancangan dan Pemantauan Projek
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
22 April 2018*

LAMPIRAN A

HADIR

1. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas** - Pengerusi
Ketua Setiausaha
2. **YBhg. Dato' Mohamed Elias bin Abu Bakar**
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
3. **YBhg. Dato' Md. Ziki bin A Rahman**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
4. **Tuan P. Sailanathan**
Presiden
Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)
5. **Tuan Haji Mazmadi bin Mohamad**
Timbalan Presiden
Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)
6. **Puan Betty binti Hassan**
Setiausaha Bahagian (Dasar)
7. **YBhg. Dato' Mansor bin Jusoh**
Timbalan Setiausaha Bahagian (Pemb. & Kew)
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia
8. **Puan Zuleah binti Darsong**
Pengarah (Bahagian MOSQ)
Jabatan Pembangunan Kemahiran

9. **Puan Norasherin binti Basirudin**
Ketua Penolong Setiausaha (Pembangunan)
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia

10. **Encik Norizan bin Kamarudin**
Bahagian Pinjaman Latihan
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

11. **Puan Morine anak Johnson**
Cawangan Pendaftaran dan Penentusahan
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

URUS SETIA

12. **Puan Rofida Anor binti Rejab**
Penolong Setiausaha (Pemb),
Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia